

SPMRSM IGCSE

Global | Cemerlang | Kompetitif

Cambridge Learners

Pendekatan Cambridge menyokong sekolah untuk membangunkan pelajar yang **yakin, bertanggungjawab, reflektif, inovatif** dan **terlibat** – dilengkapi untuk berjaya dalam dunia moden.

SPMRSM IGCSE 2018

Tun Abdul Razak, Pekan (2011)

Baling; Batu Pahat; Alor Gajah (2012)

Kuantan; Serting; Parit; Tumpat; Johor Bahru; Kubang Pasu; Langkawi (2013)

Kuala Kubu Bharu; Kuala Klawang (2014)

Kuching (2016)


Peperiksaan & Yuran

1. *Cambridge IGCSE*
RM341.90 per subjek.
2. *Cambridge Checkpoint*
RM130.00 per subjek.

- * Yuran peperiksaan adalah di bawah tanggungan ibu bapa.
- * Yuran peperiksaan akan berubah tertakluk kepada CIE.

Apa itu SPMRSM IGCSE?

SPMRSM IGCSE atau dikenali juga sebagai program dwisijil merupakan sistem pendidikan MRSM yang menawarkan dua sijil kepada pelajar iaitu *Cambridge IGCSE* dan SPM sepanjang lima tahun tempoh persekolahan. Pelajar akan mempelajari kedua-dua kurikulum kebangsaan (KBSM) dan juga Cambridge International. Integrasi kurikulum ini akan memberi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran pelajar. Pelajar akan menduduki Cambridge IGCSE pada tahun akhir tahun tingkatan 4 dan SPM pada akhir tahun tingkatan 5. Pelajar-pelajar amat digalakkan untuk belajar melangkaui SPM.



Mengenai Cambridge IGCSE

- **Dikenali di peringkat global.** Cambridge IGCSE diterima oleh universiti terkemuka dan majikan di seluruh dunia.
- **Fleksibel.** Cambridge IGCSE menawarkan 70 subjek, termasuk 30 bahasa dalam pelbagai kombinasi. Kurikulum Core dan Extended juga disediakan dalam pelbagai subjek untuk pelajar yang pelbagai keupayaan. Sekolah-sekolah bebas untuk membangunkan kurikulum yang sesuai dengan keperluan pelajar.
- **Berpusatkan pelajar.** Silibusnya menggunakan pendekatan inkuiri dan berpusatkan pelajar dalam pembelajaran. Cambridge IGCSE membangunkan kemahiran pemikiran kreatif, inkuiri dan penyelesaian masalah.
- **Pentaksiran rapi.** Pelajar akan ditaksir pada akhir kursus. Struktur linear ini memberi lebih masa tanpa mengganggu waktu pengajaran. Pelajar akan dianugerahkan gred A* hingga G bagi setiap subjek, dan A* ialah gred tertinggi.
- **Berpandangan antarabangsa.** Cambridge IGCSE direka bentuk dengan dua konsep: piawaian antarabangsa dan pembelajaran kontekstual. Kandungan silibusnya bersesuaian dengan pelbagai jenis sekolah dan terhindar daripada bias budaya.
- **Dibuat dan diuji.** Tahun 2013 merupakan ulangtahun ke-25 peperiksaan Cambridge IGCSE yang pertama.

Mengapa diwisijil?

Kurikulum IGCSE menyediakan pelajar menghadapi masa hadapan, membantu mereka membangunkan rasa ingin tahu dan semangat yang berkekalan untuk pembelajaran.

Pelajar MRSM ialah pelajar yang 'above average', maka mereka memerlukan kurikulum yang mencabar dan terbeza..

Program dan kelayakan IGCSE menjadi satu penanda aras global bagi pendidikan antarabangsa. Program ini disediakan oleh pakar subjek yang mempunyai latar belakang akademik tegar dan penyelidikan terkini.

Terdapat 80 hingga 85% persamaan bagi kurikulum subjek Sains dan Matematik untuk SPM and IGCSE.

Pendekatan IGCSE fokus kepada membina kemahiran lisan dan praktikal.

Program ini menyediakan platform kukuh bagi perkembangan pelajar ke peringkat seterusnya, dan disokong oleh sumber pengajaran dan pembelajaran.

"Pendidikan MARA adalah satu usaha yang berterusan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik yang seimbang."

Falsafah Pendidikan MARA 2014